



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK ISMAIL BIN ABU BAKAR  
KETUA KAMPUNG TENANG  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DI  
KAMPUNG TENANG DAN FELDA TENANG  
SEGAMAT JOHOR

NURUL HADDAH BINTI ZAMZURI  
(2022745357)

BASYARIATUL AMINAH BINTI ROSLAN  
(2022780449)

SEMESTER MAC 2023-JULAI 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK ISMAIL BIN ABU BAKAR  
KETUA KAMPUNG TENANG  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DI  
KAMPUNG TENANG DAN FELDA TENANG  
SEGAMAT JOHOR

NURUL HADDAH BINTI ZAMZURI  
(2022745357)

BASYARIATUL AMINAH BINTI ROSLAN  
(2022780449)

KOLEJ PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK

## ISI KANDUNGAN

<i>Abstrak</i>	i
<i>Penghargaan</i>	ii
<i>Abreviasi</i>	iii
<i>Rujukan Kata</i>	iv
1.0 Biodata Penemubual	1
2.0 Biodata Tokoh	2
3.0 Pengenalan	6
4.0 Kajian Literatur	8
5.0 Transkrip Temubual	10
6.0 Log Temubual	32
7.0 Ralat	41
8.0 Glosari	43
9.0 Indeks	51
10.0 Bibliografi	57
11.0 Lampiran	59

**Abstrak :** *Transkrip ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji berkaitan topik utama kajian tentang Kampung Tenang dan Felda Tenang. Temubual ini telah dijalankan terhadap seorang pengkaji dan pengumpul sejarah di kawasan Labis. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kisah sebenar bagi mengelakkan kekeliruan tentang jajahan yang berlaku dan merungkai mitos sebagai sumbangan kepada koleksi sejarah lisan. Kajian ini juga membincangkan dengan lebih mendalam tentang kearifan tempatan seperti sejarah Kampung Tenang dan jajahan yang berlaku di Felda Tenang dan sejarah atau kisah daripada masyarakat tempatan dan pengalaman responden terutama berkaitan topik kajian ini. Selain itu, transkrip ini juga dapat merungkai bagaimana kearifan sejarah ini. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk memfokuskan kepada para penyelidik, pelajar, serta orang awam. Dengan ini diharapkan bahawa kajian yang dilakukan bersama responden yang merupakan pengkisah tersebut dapat membantu dalam merungkai kisah sebenar tentang Kampung Tenang dan juga Felda Tenang.*

**Kata Kunci :** Kampung Tenang, Felda Tenang, Labis, jajahan, pengkisah

## SENARAI ABREVIASI

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UITM	Universiti Teknologi Mara
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kawasan
JKKR	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Rancangan

## **SENARAI SINGKATAN**

TI : Tok Ismail

NH : Nurul Haddah

BA : Basyariatul Aminah


## RUJUKAN KATA

MINTAK	MINTA
TAKDE	TIADA
SELUT	LUMPUR
APE	APA
TAKLEH	TIDAK BOLEH
ASKER	ASKAR
BESOR	BESAR
NI	INI
TUDIA	ITU DIA
PULAK	PULA
JE	SAJA
TAKLEH	TIDAK BOLEH
TAKDALAH	TIADA LAH
JUGEK	JUGA
TULAH	ITU LAH

**BIODATA  
PENEMUBUAL**




## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

<b>PENEMUBUAL 1</b>	
	
<b>NAMA</b>	Nurul Haddah Binti Zamzuri
<b>ALAMAT</b>	Jalan Universiti Off, KM 12, Universiti Teknologi Mara, Segamat.
<b>NO. TELEFON</b>	019 367 8179
<b>EMEL</b>	nurulhaddah@gmail.com
<b>PROGRAM</b>	Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik

<b>PENEMUBUAL 2</b>	
	
<b>NAMA</b>	Basyariatul Aminah Binti Roslan
<b>ALAMAT</b>	Jalan Universiti Off, KM 12, Universiti Teknologi Mara, Segamat.
<b>NO. TELEFON</b>	016 912 7756
<b>EMEL</b>	basyariatul01@gmail.com
<b>PROGRAM</b>	Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik

# **BIODATA TEMUBUAL**

## 2.0 BIODATA TEMUBUAL

<b>RESPONDEN</b>	
	
<b>NAMA PENUH</b>	Ismail Bin Abu Bakar
<b>NAMA SAMARAN</b>	Tok Ismail
<b>TARIKH LAHIR</b>	01 Januari 1957
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Felda Tenang
<b>ALAMAT</b>	Jalan Pertanian Sawah Cedang, 85300, Labis Segamat
<b>NO. TELEFON</b>	019 722 7484
<b>ALAMAT EMEL</b>	-
<b>PROFESION</b>	Pesara Guru, Pejawat Kerajaan, Bekerja Sendiri, Swasta
<b>BIDANG</b>	Pendidikan

## **Pengenalan tentang Responden**

Individu yang telah dipilih untuk membantu kajian ini ialah Tok Ismail Bin Abu Bakar. Beliau dilahirkan pada 1 Januari 1957 dan dibesarkan di Felda Tenang, Labis, Johor. Beliau mempunyai 11 orang adik beradik dan beliau merupakan anak yang kedua daripada 11 adik beradik beliau. Beliau merupakan seorang pesara guru besar di Sekolah Kebangsaan Maokil 2 dan juga merupakan ketua kampung di Kampung Tenang, Labis Johor. Beliau berkelulusan STPM dan beliau berhenti belajar kerana kekangan kewangan dan seterusnya beliau mula bekerja keras. Dengan hasil keringat beliau, beliau dapat membantu adik beradik beliau yang lain untuk melanjutkan pelajaran. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran beliau kerana semangat beliau untuk menuntut ilmu sangat besar. Beliau menyambung pelajaran di peringkat Latihan Perguruan untuk meneruskan kerjaya sebagai seorang guru.

# **SEJARAH LISAN**

### 3.0 PENGENALAN

Kampung Tenang diasaskan oleh Allahyarham Tuan Haji Mohamad Kamarul Ariffin Bin Alaudin Bin Bahaudin atau nama panggilannya “Tok Tenang” sekitar tahun 1806. Nama Kampung Tenang telah diambil sempena nama panggilan Tok Tenang. “Kampung Kita, Tanggungjawab Kita” merupakan motto yang digunakan di Kampung Tenang, Labis. Kampung Tenang merupakan salah satu kampung di dalam Mukim Labis dan juga merupakan kampung melayu tradisional.

Ekonomi penduduk Kampung Tenang ialah pertanian dan penternakan. Orang Kampung Tenang menternak ayam yang banyak untuk mendapatkan telur. Telur ayam itu dijadikan simen untuk membina masjid di Kampung Tenang. Masjid yang dibina amat unik dengan menggunakan putih telur sebagai pengganti simen. Masjid ini telah diperbesarkan dan dinamakan dengan nama “Masjid Darul Iman, Kg.Tenang, Labis”. Hampir kesemua penduduk Kampung Tenang menjalankan kegiatan Pertanian dan Penternakan. Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah ditubuhkan di Kampung Tenang.

Selain daripada itu, Kampung Tenang mempunyai kemudahan seperti Dewan Serbaguna, WIFI percuma di setiap kawasan tertentu, sekolah dan sebagainya. Selain daripada Kampung Tenang, ada kawasan perkampungan di Felda Tenang kira-kira enam kilometer dari pekan Labis yang dikelilingi kawasan lapang saujana mata memandang menerbitkan rasa damai sebaik menjejakkan kaki di Bumi yang menyimpan sejarah penting negara itu. Menurut sejarah, Felda Tenang dibuka sekitar tahun 1960 hingga 1961 dan nama ‘Tenang’ itu diperolehi bersempena nama individu yang sama yang membuka kawasan tersebut iaitu Haji Mohamad Ariffin Alaudin atau lebih dikenali dengan panggilan “Tok Tenang”.

**KAJIAN  
LITERATUR**

#### **4.0 KAJIAN LITERATUR**

Literatur mengenai Sejarah Kampung Tenang dan Felda Tenang, Labis ini diperolehi dari hasil penuturan lisan masyarakat Kampung Tenang dan juga diperolehi di wikipedia. Kampung Tenang Labis mempunyai populasi sebanyak 1358 orang dan 218 buah rumah mempunyai sejarah penempatannya tersendiri. Melalui penceritaan penghulu Kampung Tenang iaitu Encik Ismail Bin Abu Bakar, beliau mengimbas kembali peristiwa tentang Kampung Tenang dan Felda Tenang yang dahulunya dijajah oleh tentera elit indonesia seramai 96 orang. Pada kenyataannya, sejarah ini menceritakan tentang kehidupan masyarakat disini, keunikan tentang kampung ini, dan masalah sosial kemasyarakatan yang juga merupakan hal yang saling berkait antara satu sama lain.

Sejarah ini dapat membantu kita untuk mengetahui dan memahami perjalanan masyarakat Kampung Tenang dan Felda Tenang Labis suatu ketika dulu. Masyarakat Kampung Tenang dan Felda Tenang, Labis hidup dalam suasana persaudaraan antara satu sama lain seakan tali kekerabatan yang mengikat mereka semua. Kekerabatan yang terjalin erat di Kampung Tenang dan Felda Tenang, Labis tidak terjadi begitu saja, tetapi melalui perjalanan sejarah yang panjang. Selain itu, kebanyakan aktiviti yang dijalankan adalah untuk menjana pendapatan sepenuh masa dan juga usaha-usaha meningkatkan pendapatan melalui penggunaan masa lapang untuk kerja-kerja yang produktif seperti menanam, menternak ayam, menjalankan kedai runcit dan sebagainya.



# **TRANSKRIP TEMUBUAL**

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENKISAH

NH : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera. Berikut adalah **temubual sejarah lisan sesi kedua** mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup** seorang tokoh dalam bidang **Kampung Tenang**. Bersama sama kami ialah **ketua kampung, Kampung Tenang iaitu Encik Ismail Bin Abu Bakar**, yang merupakan **ketua kampung di Kampung Tenang** ini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh **7 Julai 2023** pada pukul **3 petang** bertempat di **Kampung Tenang**. Temubual ini dikendalikan oleh **Nurul Haddah Binti Zamzuri** dan juga **Basyariatul Aminah Binti Roslan**. Dengan segala hormatnya, temu bual ini dimulakan.

**NH : Bolehkah tok ceritakan serba sedikit tentang diri tok?**

TI : Haa diri saye [saya]. Alhamdulillah terima kasih. Dan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat datang kepada rakan daripada Segamat kan? UiTM [Universiti Teknologi Mara] Segamat ke rumah saya. Saya Ismail Abu Bakar merupakan ketua kampung, Kampung Tenang dah masuk tahun ketiga lah, maknanya perlantikan ketua kampung ni 2 tahun--. Jadi saya tahun ketiga dan InsyaAllah lah ada setahun lagi, dan saya merupakan seorang pesara ya, pesara guru besar yang menetap di kampung ini, dan akhirnya dipilih menjadi ketua kampung. Sebenarnya ketua kampung ni pun dimohon, dibicara mengisi borang dan dipanggil temuduga bukan dipilih kita sebagai bukan dipanggil temuduga berdasarkan kelayakan kita untuk menjadi ketua kampung sekurang kurangnya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] lah, haa tudia, dan dengar cerita kelayakan akan datang adalah diploma. Jadi saya dipanggil temuduga dan melepasi tapisan temuduga dengan tiga [3] orang kawan lain, makna ada pertandingan lah. Haa yang tu yang sihatnya, sebab apa kita tahu nak layak-- tu dan kita mohon dan saya telah diterima jadi ketua kampung. Jadi tahun ni tahun ketiga [3] lah di Kampung Tenang.

**NH : Okay, soalan kedua, adakah tok anak jati di kampung ini?**

TI : Haa, saya bukan anak jati kampung ini tetapi isteri saya anak jati sini, saya adalah merupakan seorang anak peneroka di Felda Tenang dan kebanyakan penduduk ataupun apa ni karya ini di kampung ini merupakan sedara mara jugak [juga]. Haa tudia.

**NH : Soalan ketiga, sudah berapa lamakah tok menetap di kampung ini?**

TI : Saya menetap di kampung ini setelah saya berkahwin pada tahun 1981 jadi ada lebih kurang berapa tahun eh? Akhirnya saya berpencen dan menetap disini kerana jiwa saya ialah jiwa kampung. Sedangkan saya ada rumah di Pekan Labis dan ada rumah di Cedang tapi saya memilih untuk duduk di kampung dan akhirnya menjadi pulak [pula] ketua kampung. Jadi terpaksa lah saya berkhidmat di kampung saya ni.

**NH : Soalan seterusnya, adakah tok berminat mengumpul koleksi-koleksi sejarah?**

TI : Koleksi sejarah ni saya cuma berminat membaca. Kalau nak mengumpul koleksi sejarah ni mesti ada ketahanan diri. Maksud saya kita kena cari, kita kena siasat, kena selidik kemudian sejarah sejarah ni ada kaitan kaitan yang berkaitan dengan orang yang kita kena mintak [minta] izin. Jadi tempat orang dan tempat sebagainya disediakan. Sejarah sejarah ni mungkin ada yang bentuk objek, ada yang bentuk catatan, ada bentuk ya tak? Tapi saya tak berminat pada begitulah cuma membaca sejarah saya minat.

**NH : Seterusnya, bilakah tahun mula tok mengetuai Kampung Tenang ini?**

TI : Haa saya lebih kurang dua [2] tahun lepas lah, dua [2] tahun lepas dah masuk tahun kedua. Dan akhirnya tahun depan 2024 tempoh saya akan habis, dan sekiranya kesihatan saya mengizinkan, mungkin akan dilanjutkan. Kalau tidak, saya akan menamatkan dan dipilih ketua kampung lain lah. Itu dah perjanjian dua [2] tahun sekali.

**NH : Adakah tok gembira dengan pencapaian Kampung Tenang ini sekarang?**

TI : Setakat ni Alhamdulillah. Maknanya saya menjadi setiausaha kampung daripada tahun 1981. Jadi saya takde [tiada] masalah kalau mentadbirkan kampung ni. Jadi saya tahu apa juga kehendak, dan juga apa juga yang perlu kita lakukan untuk memajukan kampung ni sesuai dengan keadaan semasa. Kalau tahun 1980an, kekurangan kampung kita ialah, kampung ini tidak ada bekalan elektrik. Masa telah terlalu rumit. Kawasan Kampung Tenang ataupun Kawasan Tenang ni adalah 1986 baru ada bekalan elektrik bersama dengan Felda Tenang. Haa itu dia, jadi hari ini alhamdulillah, segala kemudahan api, air, jalan dan sebagainya infrastruktur kampung semuanya ada. Jadi sekarang ni kalau kita dilihat dirumah saya ni dulu, tapaknya adalah sawah padi. Tetapi oleh kerana sawah padi tidak dibuat lagi, memandangkan keadaan sungai, empangan yang takda [tiada] air, kita jadikan kawasan ni sebagai kawasan pertanian, sawah padi ni sekarang boleh dijadikan tapak rumah dan juga untuk unsur-unsur sebagainya. Akhirnya Kampung Tenang ni akan melebar luas ke kawasan-kawasan yang dulu merupakan selut [lumpur] dan sawah padi. Itu je yang ada perubahan lah dari 1980an sampai lah ke hari ni. Haa jadi lebih kurang sepuluh [10] , dua puluh [20] tahun perubahan tu dan kebetulan saya jadi ketua kampung mudah kalau bagi saya untuk memajukan, mencorakkan, untuk meneruskan lagi apa kehendak penduduk dan juga selari dengan kehendak kerajaan negeri dan sebagainya.

**BA: Okey tok, kita nak masuk dalam soalan latar belakang Kampung Tenang. Bagaimana Kampung Tenang ni terbina?**

TI: Kampung Tenang ni telah ditubuhkan pada tahun 19- kalau ikutkan sejarah kampung kat sini. Dia telah dibuka oleh seorang yang dipanggil Tuan Haji Muhammad Kamarul Ariffin Baharuddin pada 3 Disember 1806 masihi. Sejarah Kampung Tenang ni unik sikit lah, unik kerana kalau dulu 1986 ni perhubungan hanya sungai sahaja itupun kita belum lahir ya. Sungai jadi mereka ni memudik daripada Sungai Muar sampai ke sini dan Sungai Tenang yang ada tu. Jadi Sungai Tenang yang ada tu kalau kita perhatikan hari ni memanglah tidak ada air, tapi kalau 86 [Tahun 1986] mungkin air tu penuh sehingga orang boleh memudik. Jadi Tok Tenang yang digelar Tok Tenang ni yang membuka Kampung Tenang, dia telah tiba disitu, disini lah dengan pengikut-pengikutnya dan bersolat asar di tebing. Itulah mulanya sejarah berkaitan dia seterusnya yang dia terikat dengan keadaan sini dan membuka kampung ni. Oleh keadaan cuaca yang tenang, jadi dia kata kita namakan kawasan ni Kampung Tenang. Ha tu dia.

**BA: Okey, soalan seterusnya. Siapakah individu yang terlibat dengan pembukaan kampung ini?**

TI: Yang membuka, yang membuka tadilah kita panggil Tok Tenang, Tuan Haji Baharuddin ni dengan Haji Muhammad Kamarul Ariffin bin Baharuddin. Dia ni ialah seorang mubaligh, mubaligh daripada Majapahit kawasan sana dan dia kalau ikutkan sini sejarah ni, dia datang ke apa ni ke sini iaitu dia berasal daripada Minangkabau, Minangkabau kalau kita tahu Sumatera Barat lah sana, Indonesia itu dia. Keturunan dia ni adalah keturunan alim sikit lah maknanya gelaran\_\_ tu berasal dari Hadramaut, Yamen dan dia mungkin ada keluarga-keluarga Arab. Ya lah orang dulu, dia nak menyebarkan agama, dia kene [kena] berhijrahlah ha tu dia. Jadi Tok Tenang ni gelaran diberi ialah Tuan Haji Muhammad Kamarul Ariffin bin Baharuddin.

**BA: Okey tok, kitorang [kami] nak tahu, Kampung Tenang ni ada mempunyai khazanah tersembunyi yang tak diketahui mana-mana penyelidik?**

TI: Sejarah cuma itulah tadi, yang ada ialah makam Tok Tenang. Makam Tok Tenang tu kita letakkan situ sebagai semadinya Tok Baharuddin (*sic*, Tok Kamarul Ariffin) yang membuka Kampung Tenang dan kita namakan makam Tok Tenang. Ada boleh lihat makam Tenang ni.

**BA: Apakah keistimewaan Kampung Tenang yang dapat dikongsikan?**

TI: Kita Kampung Tenang ni kampung tradisional, kampung tradisional maknanya dulu mungkin kawasan hutan dan sebagainya tapi kesuburan tanah, kesuburan tanah tu menyebabkan Kampung Tenang, sebab tu Tok Tenang ni dia membuka Kampung Tenang ni ada sebab ada cerita dia. Sebab apa, semasa dia berehat setelah sembahyang asar berehat di sebuah pokok, tiba-tiba tiga [3] helai daun jatuh, jatuh di depan dia dan sehelai daripada tu kena muka dia, tengah rehat, jadi satu terlentang dan dua [2] telangkup. Firasat dia, terlentang tu ialah untuk penyebaran ilmu, tapi yang telangkup tu untuk ternakan dan juga ape [apa] ni untuk ternakan dan juga satu lagi untuk pertanian. Jadi dia kata tanah sini memang subur ha itulah dia. Ingatkan hari ni kalau kita lihat Kampung Tenang ni, kawasannya subur dengan tanaman-tanaman yang ada, dengan ilmu yang ada, sekolah, dan kita sekarang ni kita teruskan deklarasi pada masa apeni ilmu agama kita ada sebuah Muha-Maahad Tahfiz. Pun namanya Al-Aribillah Tok Tenang, sempena Tok Tenang. Kita nak teruskan ilmu ugama tu untuk anak cucu dia, Tok Tenang.

**BA: Okey soalan seterusnya, bagaimanakah prestasi pembangunan di Kampung Tenang ini berlaku?**

TI: Setakat ni alhamdulillah lah, dah tahun dua ribu [2000] maknanya setanding, selari dengan kampung-kampung lain. Itu semua dah cukup dah, dah cukup ada sekolah, ada apa sebagainya dan kita juga merupakan pintu masuk untuk para pelancong dan juga orang luar untuk pergi ke Gunung Chabang Tiga. Maknanya kalau hutan simpan Labis tu ada air taka terjun Taka Melor [Johor] dan kita boleh ekspedisi naik ke puncak gunung. Jadi kampung ni merupakan kampung yang boleh dibangunkan lagi tetapi memerlukan modal, memerlukan usaha dan juga sokongan daripada luar dan juga kerajaan yang ada lah. Okey.

**BA: Okey, seterusnya, dikatakan bahawa dinding masjid di Kampung Tenang diperbuat daripada putih telur. Boleh tok ceritakan bagaimana asalnya idea itu datang?**

TI: Ha ni berkaitan dengan sejarah ada diceritakan tentang Tok Tenang tadi, dia membina tempat ibadah dia. Kalau dulu mungkin sepondok, tetapi oleh kerana pesatnya pembangunan masa tu jadi mereka jadikan tempat itu, tempat sembahyang dan mereka menembok-nembokkan sikit lah. Ha maknanya tempat tu cantik, tetapi oleh kerana terlalu ramai lagi pengikut-pengikutnya, dan kampung ni memerlukan masjid yang besar, jadi mereka menggunakan batu, simen yang, batu-batu yang ada di sungai tu, kemudian pasir yang ada tu tetapi tidak ada simen. Ha tidak ada simen. Tetapi mereka terfikir kerana apa, ternakan yang ada ayam, itik, lembu dan sebagainya itu membiak dengan baik, dan telur-telur itik, ayam tadi dipecahkan jadikan simen untuk memegang pasir kepada dinding masjid yang ada harini lah. Ha tu dia. Menggantikan simen lah masa tu takdak [tiada] ada simen kan. Jadi gunakan putih telur. Ha itu yang uniknya Kampung Tenang disini.

**BA: Okey, jadi adakah Kampung Tenang mempunyai tradisi yang tersendiri?**

TI: Tradisi sendiri kami ada. Sebab tu Kampung Tenang ni merupakan kampung tradisional melayu. Dan untuk orang kata tadi, selain daripada makam Tok Tenang, kita ada tempat-tempat yang untuk kita berkunjung lah ha pelancong. Dan juga kampung ini merupakan kampung pengeluar buah-buahan terutama buah durian lah kalau dulu mata kucing, tapi buah durian tenang orang kata dah setanding jugek [juga] dengan tempat-tempat lain dan tanah subur okay lah. Jadi kalau sebut tenang, orang nak makan durian tenang. Bila sebut Kampung Tenang, orang nak makan mata kucing tenang. Ha itu ada istimewa sikit lah daripada tempat-tempat lain.

**BA: Okay, kita berpindah kepada latar belakang Felda Tenang pulak [pula]. Apakah perbezaan Felda Tenang dan Kampung Tenang?**

TI: Felda, Felda Tenang nama tu Tenang sempena dengan Kampung Tenang, Felda Tenang. Felda Tenang ni penempatan baru --. Jadi Felda Tenang ni dibuka setelah Kampung Tenang ada, 1992, 61 Felda Tenang dibuka. Jadi perbezaannya Felda Tenang ni ditadbir oleh seorang pengurus, seorang pengurus dengan jawatankuasa JKKR dia. Kampung Tenang ditadbir oleh seorang ketua kampung, penghulu kena pulak (pula) ada jawatankuasa JPKK, Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kawasan. Kampung tu JPKK, ha tu perbezaannya kampung tradisional dengan kampung baru. Felda, kampung penempatan baru lah. (Berdehem)



**BA: Okey, jadi bilakah Felda Tenang mula ditubuhkan?**

TI: Ha Felda Tenang mula ditubuhkan pada tahun 1961, kerana kebetulan pulak [pula] eh, kebetulan, tok adalah merupakan anak Felda Tenang. Ha anak peneroka Felda Tenang dan tok masuk ke Felda Tenang pada tahun 1965 ha 61 dia bukak [buka] peringkat satu [1] tahun 65 peringkat dua [2], dia tak sama. Lepastu ada peringkat tiga [3] tahun 70-an, ha itu dia sejarah dia ya itu dia.

**BA: Okey, jadi adakah Felda Tenang mempunyai hasil dari pertanian yang dilakukan oleh penduduk?**

TI: Ya, sama jugak [juga] kerana tanahnya seakan-akan Kampung Tenang jadi hasil yang utama sana, kalau dulu tahun 60-an, 70-an ditanam getah, getah. Tapi hari ni oleh kerana keadaan getah, kemerosotan harga, dengan keadaan getah yang tak sesuai lagi cuaca hari ni, kita tukar kepada sawit. Ha jadi sawit ni mungkin permintaan yang lebih baik, jadi sekarang Felda Tenang telah semuanya ditanam dengan sawit. Ha itu yang perubahan yang nampak lah.

**BA: Bagaimanakah sistem pengurusan di Felda Tenang dilakukan?**

TI: Pengurusan di Felda Tenang dia ditadbir oleh seorang pengurus ya. Pengurus felda yang dibantu oleh jawatankuasa JKKR [Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Rancangan], kemudian mereka pulak [pula] membuat satu kombinasi iaitu ketua-ketua blok ha ketua-ketua blok ni satu ketua blok dia menjaga lebih kurang 30 hingga 40 orang.

Jadi situ satu kemudahan yang baik lah dari segi pentadbiran kerana ketua-ketua blok ni akan mewakili penduduk-penduduk di kawasannya di dalam apa juga aktiviti khususnya mesyuarat yang dijalankan di felda. Ha itu dia. Tak sama dengan kampung. Kampung ada JPKK [Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kawasan] saja, seorang ketua kampung yang sembilan [9] orang JPKK. JPKK ni diberi pulak [pula] pengerusi biro-biro yang berkaitan untuk membantu, itu sahaja. Dan kita merangkumi (bunyi notifikasi telefon) semua, kalau ada 30 buah, 300 buah rumah, kita semua menjaga. Felda tak (bunyi jam), kalau 30-40 satu ketua blok. Ha ketua blok ni pulak tak semestinya orang laki [lelaki], hari ni dah ada (sambil ketawa) ketua blok perempuan. Felda ni unik sikit sebab apa, dia aktiviti dia semuanya di-di ape [apa] ni disistemkan, wanita ada aktiviti, anak ada aktiviti, peneroka sini aktiviti, iaitu kampung yang baik lah, pada saya lah. Ha tu.

**BA: Okey, kita nak tahu, adakah budaya dan tradisi Felda Tenang berbeza dengan Kampung Tenang?**

TI: Dia punya tradisi? Kalau rasa ikut tradisi takdak [tiada], takde [tiada] perbezaan banyak sangat sebab apa, kebanyakan mereka ni adalah orang-orang melayu yang beragama islam. Apa yang dibuat di kampung, mungkin dibuat di felda. Cuma di felda ni dibuat secara beramai-ramai, mungkin keadaan gotong-royong tu masih ada lagi. Kampung ni nak gotong-royong kena tengok keadaan. Maksudnya kalau gotong-royong kenduri-kendara masih lagi, ha, tapi kalau gotong-royong untuk pembersihan kita kena tengok keadaan penyertaan, buat memang buat, penyertaan kadang-kadang tahu lah orang kampung sibuknya, sibuknya dan juga ketiadaan di kampung masa dibuat. Ha itulah [itu lah] ada beza. Tradisi sama lah dengan felda.

**BA: Okey, soalan seterusnya. Adakah Felda Tenang mempunyai tokoh atau khazanah tersembunyi sewaktu tentera askar Indonesia mendarat suatu ketika dahulu?**

TI: Berkaitan dengan apa konfrontasi Indonesia, tokoh tu takdela [tiadalah] sebab apa (Berdehem), konfrontasi Indonesia ni dia tak berapa lama di Felda Tenang. Jadi nak bakat tokoh tu tidak ada tapi zaman masa dia tu ada (Berdehem). Maksudnya masa konfrontasi tu (Berdehem), masa tu arwah ayah saya ada lah. Ha jadi arwah ayah saya dan orang tua-tua yang hari ni dah takde [tiada] lah Felda Tenang, masa tu dia masih ada. Jadi kita nak jumpakan tokoh tu sebab kerajaan tak iktiraf lah tu sebagai satu [1] yang boleh nak dibanggakan, yang kata konfrontasi ni satu benda yang kita nak banggakan. Cuma nak sebut malapetaka tak patut pulak [pula], bencana tak patut jugek [juga] sebab apa, ada kaitannya dengan perhubungan negara kita, kenapa berlakunya konfrontasi ni. Ha tu.

**BA: Okay kita nak pindah kepada kisah pendaratan askar di Felda Tenang. Bilakah peristiwa tersebut berlaku?**

TI: Peristiwa tu yang tok tahu lah eh maksudnya berlaku pada tahun 1962. 1962 ni berlakunya masa tu di zaman Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman ha itu lah zaman tok tahu lah, tahun 1962 (Berdehem).

**BA: Okay seterusnya apakah situasi yang terjadi disaat pesawat askar Indonesia mendarat di Felda Tenang?**

TI: Pesawat dia tidak mendarat sebenarnya, kerana kita tidak ada lapangan terbang. Tapi pesawat ini berlegar-legar ha dia berlegar-legar pada pukul 10 malam. 10 malam dia berlegar sampailah ke Kampung Tenang ni. Kawasan Tenang ni, Felda Tenang tak jauh, lebih kurang 30 kilometer. Dia berlegar-legar dan pukul 4 pagi, dia menjatuhkan askar-askar dia dan juek [juga] barang-barang dengan menggunakan *parachute* [payung terjun], *parachute* ni terjun erk, payung terjun. Ha tu dia ha. Tok ingat sebab apa masa tu umur tok 9 tahun. Ha tok nak pergi sekolah pagi tu. Felda Tenang masa tu tidak ada air di rumah, paip tak ada. Kami mandi air di tepi jalan, paip besar [besar] di tepi jalan kan. Jadi kami keluar [keluar] nak pergi mandi pukul 5.30 pagi, tengok deretan (bunyi jam) kereta-kereta perisai daripada Batu Simpang Renggam [Johor] betul-betul di depan rumah tok. Jadi tok tanya, “Kenapa ni pakcik?”, “Eh nak ke mana?”, “Nak mandi”, “Balik-balik, ni nak berperang”, kata askar tu. Jadi kami mandi --- balik lah. Ha itu lah sebab apa, di kawasan depan rumah tok tu ada tiga [3] tong yang dijatuhkan pada malam itu. Dan askar-askar ni berkumpul menjaga keselamatan itu takut-takut tong tu mempunyai bom dan sebagainya ha tapi atok boleh cerita lah apa yang ada *time* [masa] tu. Ya itu dia. Itu yang atok sembilan [9] tahun ingat lagi tu.

**BA: Jadi apa reaksi tok semasa askar tu mendarat di situ?**

TI: Kita kanak-kanak tak takut apa-apa, seronok. Tapi bila kata nak berperang, kita nak tengok, nak tengok perang ni, kan. Tapi tak dibenarkan. Maksudnya askar yang menjaga tu, mereka datang dan bersama dengan tentera-tentera Australia dan juek [juga] British, itu yang kita seronok, ye tak? Atok orang laki [lelaki] nak jadi askar tapi tak dibenarkan, keselamatan. Ha tu sebab apa, kita negara Komanwel, kita ada askar Australia, kita ada askar British dan Gurkha. Jadi askar ni datang bersama-sama tu. Ha tu dia ya.

**BA: Mengapakah askar Indonesia tersebut mendarat di Felda Tenang?**

TI: Dia sejarah dia, yang tok tahu lah daripada arwah ayah cerita, tahun 1960-an, Felda Tenang ni kalau ikutkan foto, peta, peta topo asal adalah hutan tebal. Tahu? Felda Tenang kawasan penempatan baru, hutan tebal. Jadi berkemungkinan lah tentera-tentera Indonesia ni membaca topo tahun 1960-an yang menunjukkan kawasan Felda Tenang ini ialah hutan tebal tetapi dia tak tahu yang kita sudah ada penempatan Felda Tenang. Sebab tu mereka menjatuhkan *parachute* [payung terjun] barang-barangnya pada malam, ha jadi waktu malam, jadi dia jatuhkan mungkin daripada atas tu kapal terbang tu nampak kebetulan pada malam tu, atok menjaga. Kita ada buat kawalan kampung, jadi menjaga kampung ni, kita menjaga kampung dan kita pasang unggun api lah dekat pondok tu unggun api. Ada yang bakar ubi, ada yang buat teh o. Jadi kapal terbang ni mungkin dia dah tiba masa tu, dia nampak satu unggun api dan kebetulan kami pulak [pula] di bawah tu, pak cik tok ada membawa lampu picit, jadi kita suluh lah, kapal terbang ya dak? [ Ya tak] suluh. Kapal terbang tu rendah, jenis Karibu tak ingat. Dia rendah jadi kita suluh, jadi mungkin dengan suluhan lampu tadi memberi isyarat bahawa orang-orang dia berada di bawah. Ha ni dia satu, tu ada sebab tu, sebab apa, sebab tu pukul 4, dia akan pusing balik, dia jatuhkan kawasan yang lampu tadi tu. Ha itu yang jatuh depan rumah tok sedangkan di kawasan kampung ni pun ada. Yang dijatuhkan *parachute*, , ada yang sangkut pokok getah, ada yang sangkut pada pokok. Ha itu cerita dia, sama ada askar tu atau pun barang-barang yang dijatuhkan tersangkut pada pokok. Sebab tu kawasan hutan tu. Ha itu cerita dia lah.

**BA: Jadi askar-askar tu ada cederakan siapa-siapa tak?**

TI: Askar dia ada membawa senjata. Bila dia membawa senjata, kemudian bila askar kita mencabar, yang tembak, tembaklah, yang kena tembak askar dia mati lah. Tetapi tok ada yang kita dengar cerita kebanyakan mereka yang dihantar ke sini bukan di kalangan tentera. Ha bukan dari kalangan tentera tetapi ada yang pelajar universiti, ada yang profesor apa,

dan mereka ni diculik, diculik didengar cerita lah, dia kena culik naik kapal terbang, diterjukkan, dibekalkan senapang patah. Jadi mereka tak tahu nak menembak dan mereka bukan tentera untuk berperang tapi mereka ialah rakyat biasa yang dipaksa. Naik kapal terbang mata tertutup sebab kita dah ada temu bual dengan yang kena tangkap ni, Ha tu cerita dia. Jadi mereka dipaksa untuk datang ke Malaysia dalam perang Malaysia dengan Malaysia ni dia panggil ‘Ganyang Malaya’ nama dia. Ha dalam ‘Ganyang Malaya’ sebab tu masa tu ada kaitan politik lah ha presiden Indonesia, Sukarno tak setuju negara kita nak jadikan sebuah negara yang bebas, itu yang persekutuan, persekutuan tanah melayu dia tak setuju. Ha itu yang jadinya ‘Ganyang Malaysia’ ni peperangan kita, konfrontasi Malaysia Indonesia namanya dan ape [apa] ni tentera punya perkataan tadi ‘Ganyang Malaysia’. ‘Ganyang Malaya’ nama dia. Indonesia pun cakaplah ‘Ganyang Malaya’ ha tu dia (Berdehem).

**BA: Jadi askar-askar tu menetap berapa lama di Felda Tenang?**

TI: Tak lama di Felda Tenang sebab apa, konfrontasi tu dianggarkan lebih kurang tiga [3] bulan. Tiga [3] bulan sebab atok cuti sekolah tiga [3] bulan. Sekolah yang digunakan untuk markas tentera tadi Sekolah Kebangsaan LKTP Tenang, jadi kita cuti tiga [3] bulan lah. Lepas cuti tiga [3] bulan (bunyi azan) tu biarkan bubar, lepas cuti tiga [3] bulan dia akan beredar dan akhirnya kita pergi ke sekolah. Rasa tiga [3] bulan, tapi konfrontasi tu jangka masa yang panjang lah, tapi di tempat Felda Tenang tak lama. Ha tu dia (Berdehem).

**NH : Apakah kesan yang berlaku setelah askar Indonesia mendarat di Felda Tenang?**

TI : Jadi, dalam suasana peranglah. Kami hidup dalam ketakutan, tak boleh bekerja, berkebun tak boleh, kami tidak boleh ke sekolah, duduk dibawah rumah. Bila ada tembak menembak, duduk dibawah rumah. Cari pasir buat kubu-. Haa jadi dalam ketakutan walaupun tak berperang, tetapi kerajaan bantu kita, walau tak keluar rumah, tak bekerja sebagainya, kerajaan beri makanan, makanan hantar ke rumah, masak dan sebagainya. Tetapi, tak dibenarkan keluar rumah, takut tertembak dan ditembak.

**NH : Adakah sebarang peristiwa berdarah yang berlaku pada masa itu?**

TI : Tidak ada. Tidak ada sebab ape [apa], yang menjaga melawan adalah askar [askar] saja. Jadi orang kampung tak terlibat. Jadi askar [askar] ni pun dengar cerita dia memberitahu suruh menyerah diri. Sebab apa, haa kerajaan Indonesia dia menggunakan helikopter, helikopter keliling kampung, dia suruh orang-- dia *surrender*-- maknanya menyerah diri. Kita tak mahu berperang sesama manusia, sesama bangsa, jadi, itu yang ada kesedaran pada kita, yang nak membantu, bukan nak membunuh. Haa faham tak? Haa helikopter dia, Indonesia lah. Jadi kebanyakan mereka ni datang menyerang, yang keluar keadaan-- tak sakit apa, tak lapar kebulur ke, tu dia akan menyerah kepada kami, kita serah kepada tentera. Haa tu dia yang berlaku.

**NH : Bagaimanakah penduduk kampung mengawal keadaan pada masa itu?**

TI : Kami penduduk kampung mengikut arahan tentera lah, takleh [tidak boleh] keluar, tak pergi sekolah, haa itu dia jadi kita ikut dan perkara tu tak menakutkan kami sebab apa, kawalan tentera tu ada. Jadi takdalah [tiada] rasa suasana tu orang kata terlalu ni lah, dapat dikawal suasana situ, masa tu.

**NH : Soalan seterusnya tentang tentera elit Indonesia di Felda Tenang. Apakah jajahan yang berlaku?**

TI : Jajahan yang berlaku tu tadi kalau tok cerita tadi dia atas dia lah, “Ganyang Malaya”. Dia nak mencari kawasan baru. Haa dia nak apa ni nak menawan Malaysia ni supaya jadi jajahan dia. Haa tudia.

**NH : Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya jajahan ini?**

TI : Segala faktor tadi adalah kerana kerajaan-- masa tu, dia tak setuju Malaysia ni menjadi sebuah negara yang terbuka, dan juga mengambil Sabah dan Sarawak. Ada kaitan tu. Sabah Sarawak kan dalam kawasan Brunei, Malaysia tapi Sabah Sarawak nak bersama kita. Sebab tu persekutuan yang sambutan merdeka itu, jadi mereka tak setuju Sabah Sarawak nak bersama kita. Sedangkan Sabah Sarawak tu kawasan dia. Tapi perjanjian tu ada.



**NH : Bagaimanakah jajahan ini bermula?**

TI : Jajahan bermula setelah ada satu pertelingkahan lah, pertelingkahan politik di negara–Siam. Contoh ada melibatkan Filipina. Filipina merebutkan Sabah, Indonesia merebutkan Sabah dan Sarawak. Itu yang pertelingkahan tu.

**NH : Siapakah yang terlibat dalam jajahan ini?**

TI : Siapa yang terlibat?

**NH : Ha ah, dalam jajahan ni.**

TI : Kebanyakan tentera lah. Asker– [askar-askar] dan juga tentera dan juga polis. Orang kampung tak terlibat dalam rasa--.

**NH : Bilakah jajahan ini berlaku di Felda Tenang?**

TI : Pada 1962 lah, sebagaimana kita maklum tadi, itulah masa *konfrontasi* [peperangan Indonesia- Malaysia] Indonesia namanya.

**NH : Dimanakah lokasi yang terlibat semasa berlakunya jajahan?**

TI : Di kawasan penempatan Felda Tenang, dan juga di sekitarnya lah. Jadi di kawasan Felda Tenang tadi yang tok kata tadi, kalau kita lihat harini tapak yang dijajah yang digugurkan tentera tu lah kawasan masjid Felda Tenang. Masa tu masih lagi belukar, dan belum ada penempatan di kawasan itu.

**NH : Adakah ramai orang tempatan yang terkorban akibat jajahan ini?**

TI : Tidak ada.

**NH : Berapakah tentera Indonesia yang terkorban?**

TI : Ratusan [ratus] juga lah. Kerana, mereka-- ni bukan kawasan Felda Tenang je, tapi di sekitar ni. Tetapi dikumpulkan di Balai Polis Tenang, kampung. Jadi situ kita nampak ada yang terbunuhlah dan dirahasiakan takut-- dijadikan satu isu. Jadi cepat diambil, dan dihantar pulang ke hospital lah. Hospital-- Segamat yang akan hantar pulang mayat mereka

**NH : Soalan seterusnya, berapakah pesawat yang akan digunakan oleh tentera Indonesia?**

TI : Setakat yang kita tahu hanya sebuah saja. Sebuah pesawat yang besar [besar] tu macam kapal terbang kitalah. Karibu yang terbang rendah dan boleh membawa muatan lah. Muatan tadi mungkin askar-- pun ada ataupun majoriti barang-- makananya.

**NH : Apakah jenis pesawat tersebut?**

TI : Karibu tu jenis Karibu.

**NH : Apakah senjata yang digunakan semasa jajahan?**

TI : Apa yang kita lihat ni tentera-- bukan tentera, separa tentera ya. Separa tentera yang diculik, dan mereka hanya dibekalkan dengan senapang papan dan juga *machine gun* [mesingan] lah. Tapi askar kita lebih canggih (berdehem) daripada senjata dia. Jadi kalau nak berperang pun macam tak sesuai lah (sambil ketawa) haa tudia. (berdehem)

**NH : Apakah jenis pakaian yang digunakan oleh tentera Indonesia?**

TI : Mereka tidak mengenakan pakaian tentera. Tetapi hanyalah seluar dan baju hitam, kerana mereka ni kebanyakannya diculik. Hanya sepasang seluar dan baju hitam je. Haa tu je yang kita dapat maklumlah, yang kita tahu.

**NH : Soalan terakhir, adakah orang tempatan menggunakan senjata semasa mereka dijajah?**

TI : Tidak. Kita tak dibekalkan senjata dan kita tak disuruh bersama-sama kerana kita dikawal oleh askar kita, dan kita patuh pada keselamatan diri dan keluarga lah.

**BA: Okey, soalan tambahan tok, askar-askar yang, kitorang [kami] ada baca jugak [juga] sejarah yang ada seorang askar yang melarikan diri ke dalam hutan, jadi macam mana dia menyerah diri?**

